

20 MAR 2003

Parlimen-Gulung (Kewangan)

KERAJAAN BELANJA RM90.4 JUTA UNTUK ANJUR SIDANG NAM

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Kerajaan telah membelanjakan RM90.4 juta bagi menganjurkan Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dari 20 hingga 25 Feb lepas, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh.

Beliau berkata jumlah perbelanjaan itu termasuk RM1.3 juta untuk menampung perbelanjaan dan tiket perjalanan 15 delegasi asing dari negara-negara kurang maju.

Katanya kerajaan tidak berbelanja untuk membaik pulih Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) yang menjadi tempat persidangan NAM, sebagaimana yang didakwa oleh pembangkang.

"Kerajaan hanya membayar kos sewaan kepada PWTC untuk mengadakan sidang kemuncak itu," kata Dr Shafie semasa menggulung perbincangan usul menjunjung kasih titah ucapan Yang di-Pertuan Agong bagi Kementerian Kewangan pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab beberapa persoalan yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang Datuk Seri Abdul Hadi Awang bahawa kejayaan Malaysia menganjurkan sidang kemuncak itu mempunyai kontroversinya tersendiri seperti jumlah perbelanjaan bagi menganjurkannya.

Mengenai jumlah pengurangan cukai import kereta yang digunakan semasa Sidang Kemuncak NAM lepas, Dr Shafie berkata tiada apa-apa pengurangan cukai import yang diberi kepada syarikat-syarikat yang meminjamkan kereta-kereta untuk digunakan semasa mesyuarat enam hari itu.

Beliau berkata kadar cukai yang dikenakan terhadap kereta import adalah antara 140 peratus dan 300 peratus mengikut kapasiti enjin kereta berkenaan, selain cukai jualan sebanyak 10 peratus.

"Hanya nilai kereta tersebut lebih rendah kerana selepas persidangan, kereta-kereta tersebut dikira sebagai kereta terpakai," katanya.

Sepanjang persidangan itu, beberapa syarikat kereta tempatan telah meminjamkan kepada kerajaan kereta jenis Mercedes Benz, Kia MPV dan BMW 7 Series untuk digunakan sebagai kenderaan delegasi.

Dr Shafie berkata kerajaan dan rakyat negara ini mendapat faedah daripada penganjuran Sidang Kemuncak NAM melalui kemasukan pelancong dan liputan ke seluruh dunia yang telah berjaya menaikkan imej negara kerana berupaya menganjurkan persidangan dengan cemerlang.

Mengenai keberkesanan pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan sejak 2001, Dr Shafie berkata Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan positif ekonomi dan berkembang kukuh pada kadar 4.2 peratus tahun lepas.

Katanya pakej ransangan fiskal itu telah berupaya membantu meningkatkan perbelanjaan permintaan dan aktiviti ekonomi dalam negeri.

Mengenai kesan ekonomi akibat serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq, beliau berkata ia akan menggugat aliran perdagangan terutama di Asia Barat dan meningkatkan lagi harga minyak.

Katanya kerajaan akan terus berusaha mengurangkan impak risiko persekitaran luar terhadap ekonomi negara bagi mengekalkan tahap pertumbuhan negara dengan mengadakan pakej rangsangan ekonomi yang lebih menyeluruh.

Kerajaan sedang menggubal satu pakej baru rangsangan ekonomi yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan pada April ini.

Dr Shafie berkata pakej baru ekonomi itu akan lebih tertumpu kepada

usaha perubahan struktur dan institusi dalam ekonomi yang bertujuan meningkatkan tahap produktiviti dan kecekapan serta daya saing negara.

Mengenai keengganan institusi kewangan memberikan pinjaman kepada Industri Kecil dan Sederhana (IKS), Dr Shafie berkata kerajaan sememangnya memberikan perhatian sewajarnya kepada perkembangan IKS khususnya daripada segi memenuhi keperluan pinjaman.

Katanya kerajaan sentiasa memastikan agar sektor perbankan memberikan kerjasama sepenuhnya dalam menyediakan kemudahan berkenaan, dan sebagai contoh, institusi perbankan menerima sejumlah 105,000 permohonan dari IKS pada tahun lepas, dan daripada bilangan itu, 74,00 permohonan telah diluluskan dengan jumlah RM30.7 bilion.

Dr Shafie berkata bagi memastikan sektor itu mendapat kemudahan pinjaman yang berterusan, Bank Negara Malaysia telah menetapkan peratusan minimum yang perlu disalurkan kepada IKS oleh bank-bank bagi tempoh yang ditetapkan sejak 1989.

Katanya kerajaan juga sentiasa mengambil langkah bagi menambahkan bilangan peruncit Bumiputera melalui Projek Usahawan Bumiputera Dalam Bidang Peruncitan (PROSPER) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad.

Bagi tujuan itu, dalam Bajet 2003, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM50 juta sebagai tambahan kepada RM15 juta yang sedia ada. Sehingga 31 Jan tahun ini, sebanyak 274 permohonan telah diluluskan melibatkan RM21.3 juta manakala jumlah yang telah dikeluarkan ialah RM15 juta.

Mengenai isu pengurangan duti pertaruhan nombor ramalan, Dr Shafie menjelaskan bahawa tujuan ianya dibuat adalah bagi menangani masalah perjudian haram.

"Pengurangan dalam kadar duti pertaruhan nombor ramalan tidak memberi keuntungan besar kepada syarikat-syarikat perjudian berlesen kerana sumbangan mereka kepada Majlis Sukan Negara dan Lembaga Totalisator Malaysia adalah pada kadar 10 peratus daripada keuntungan sebelum cukai," katanya.

Dr Shafie juga menjelaskan bahawa pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) bukan sahaja untuk mewujudkan industri silikon tetapi ia merupakan inisiatif teknologi maklumat dan komunikasi yang dibangunkan oleh kerajaan untuk merealisasikan Wawasan 2020.

"MSC merupakan satu inisiatif penting kerajaan bagi menganjak negara kepada ekonomi berasaskan pengetahuan," katanya menjawab soalan dari Abdul Rahman Yusof (Keadilan-Kemaman) dan Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail (Keadilan-Permatang Pauh).

Kini MSC telah dapat melaksanakan tujuh aplikasi perdana antaranya kerajaan elektronik, kad pintar pelbagai guna dan sekolah bestari.

-- BERNAMA  
SSA SSA MAI